



YOUR ONLINE NEWS SOURCE
PERAKNEWS

facebook

Perak Tingkatkan Keselamatan Siber Lindungi Data Kerajaan Negeri

Published: Rabu, 12 November 2014 14:39

Kerajaan Perak akan mempertingkatkan keselamatan sibernya bagi tujuan melindungi data-data pentadbiran kerajaan negeri daripada digodam.

Menteri Besar Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir berkata, melihat trend jenayah siber yang semakin berleluasa, kerajaan negeri merasakan penting untuk mengambil langkah tersebut bagi tujuan keselamatan.

Katanya, kegiatan jenayah melibatkan alam siber tersebut boleh memberi impak amat merbahaya kepada kerajaan dan juga rakyat yang sering kali menjadi mangsa kegiatan kecurian data peribadi serta penipuan wang ringgit.

Menurut beliau, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan agensi di bawah Kementerian Sains dan Inovasi (MOSTI) iaitu CyberSecurity Malaysia.

"Kerajaan negeri Perak juga tidak terkecuali dengan kegiatan jenayah siber ini, oleh demikian kita telah membuat komitmen melalui KPerak untuk memastikan aspek keselamatan siber kita dipertingkatkan.

"Aspek keselamatan siber ini akan kita beri keutamaan khususnya melibatkan data-data pentadbiran kerajaan supaya tidak dicuri dan juga bagi melindungi rakyat di negeri ini," katanya.


Beliau berkata demikian selepas merasmikan Anugerah, Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) 2014 anjuran MOSTI di Hotel Casuarina@Meru, pada Rabu.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Mohd Azumi Mohamed.

Menurut Dr. Zambry, persidangan tersebut merupakan sebahagian daripada program mengantarabangsakan Perak.

Katanya, persidangan itu merupakan antara kebanggaan Perak kerana difahamkan penganjuran konferasi tersebut di negeri ini adalah antara yang terbesar dari segi jumlah penyertaan.

"Saya difahamkan dari segi jumlah penyertaan konferasi ini Perak adalah antara yang terbesar. Ia dihadiri lebih daripada 700 peserta dan ini tidak melibatkan pelajar-pelajar, pemuda yang juga turut terlibat," ujarnya.



Search

Search...

FeedBurner Subscription

FeedBurner Subscription

Enter your email address...

SUARA KAMI



RIDAUDDIN DAUD, 25, PEKERJA SWASTA
Saya akan berusaha dengan lebih baik, bekerja dengan lebih keras dan menabung bagi masa depan saya dan rumah tangga yang akan dibina kelak. Sempena Maal Hijrah ini, saya harap saya dapat meneruskan sikap berjimat...



HAZIMIN BIN ISMAIL KK 39 GURU SMK LUBOK MERBAU Sempena Tahun Baru Maal Hijrah 1436, saya akan cuba untuk hidup bersederhana kerana kos sara hidup yang semakin meningkat, termasuk barangan dan keperluan harian. Selaras dengan ajaran agama Islam, saya...



Siti Nur Syazana Mursidi, 23, Mahasiswa UMS
Sebagai salah seorang ahli komuniti, saya berpendapat yang penganjur sepatutnya memikirkan kesan baik dan buruk sebelum mengadakan aktiviti sebegini kerana mesti ada sebab yang kukuh untuk melakukan...

Koleksi SUARA KAMI



Peraknews @Peraknews 7h
Gangguan Bekalan Air Sekitar Petaling 26 November Ini tinyurl.com/qgs48y7

Peraknews @Peraknews 7h
Bible Yang Diserah Semula Tidak Boleh Dieder Di Selangor - Mais tinyurl.com/lo3a97g

Peraknews @Peraknews 7h
Guan Eng Akui PDC Jual Rumah Lebih RM3 Juta Seunit tinyurl.com/nkhyojz

Peraknews @Peraknews 7h
Mubarak Ulangi Pendirian Mahu Akta Hasutan Kekal tinyurl.com/kf9xdo9

Peraknews @Peraknews 7h
Amaran Angin Kencang Di Perairan Terengganu Hingqa Ahad tinyurl.com/n2sn8v7

Like 2 Share 2 Send Tweet 0

Add a comment...

Facebook social plugin

Copyright © 2014 Peraknews 2014. All Rights Reserved. Designed by [Freelance Web Designer](#)

Sesuai dipapar menggunakan Mozilla Firefox, Google Chrome, Safari dan Opera terkini

[Disclaimer](#) | [Privacy Policy](#) | [Login](#) | [Article Manager](#) | [Gallery Admin](#) | [Sitemap](#)

[Back to Top](#)